

Najib mohon tanggung rayuan

m/s: 9

BH - 27/7/2022

Lantik barisan peguam baharu jadi alasan

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak memohon untuk menangguhkan pendengaran rayuan akhir kes penyelewengan dana RM42 juta milik syarikat pelajaran strategik negara, SRC International Sdn Bhd yang didapainya di Mahkamah Persekutuan.

Pemohonan itu dibuat dengan alasan barisan peguam baharu

sudah dilantik mengambil alih kes rayuan berkenaan.

Pemohonan itu dikemuka menerusi surat daripada firma guaman guaman Tetuan Zaid Ibrahim Suffian TH Liew & Partners (ZIST) yang baharu dilantik Najib, dialamatkan kepada Pejabat Timbalan Pendaftar Mahkamah Persekutuan, semalam.

Surat itu ditandatangani oleh rakan kongsi kanan ZIST, Liew Teck Huat yang turut dilantik sebagai peguam baharunya, bersama-sama dengan peguam utama, Hisyam Teh Poh Teik dan peguam M Rueben.

Hujah tangguh rayuan

Surat itu menyatakan peguam yang baru dilantik, diarahkan oleh Najib untuk berhujah pada

sebutan kes akan datang (29 Julai ini), mengenai penangguhan rayuan utama yang ditetapkan, bagi pendengaran bermula pada 15 Ogos ini.

Selain itu, mereka juga diarahkan oleh Najib untuk menarik balik rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang menolak permohonannya untuk diwakili Peguam Diraja (dari United Kingdom), Jonathan Laidlaw.

“Kami dengan ikhlasnya memohon maaf kepada mahkamah yang mulia, bagi segala kesulitan yang dialami yang berbangkit daripada permohonan ini.

“Kami juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kami kepada jasa baik pihak mahkamah dalam menimbangkan perkara ini,” jelas surat itu.